



Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan paling sesuai.



- 1 Seseorang yang mengalami _____, berkemungkinan akan melakukan tindakan yang tidak sewajarnya apabila berseorangan.
A kegagalan C kesempitan
B kelemahan D kemurungan
- 2 Nasihat yang diberikan oleh guru perlu dijadikan sebagai _____ dalam hidup bagi memastikan kita tidak melakukan kesilapan.
A jalan C panduan
B lorong D penunjuk
- 3 _____ teknologi dalam kalangan remaja kini boleh membawa pelbagai masalah pada masa depan.
A Pembelian
B Pengamatan
C Penggunaan
D Penyalahgunaan
- 4 _____ kesihatan secara berkala perlu dibuat bagi memastikan sebarang penyakit berbahaya dapat dikesan dengan lebih awal.
A Penjagaan
B Pendidikan
C Peperiksaan
D Pemeriksaan

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Cara duduk yang tidak betul boleh menyebabkan posture tulang belakang menjadi terganggu.

- 2 Remaja yang bersikap anti sosial akan menyebabkan mereka tidak mempunyai rakan.

- 3 Zambri dimarahi oleh Ganesh kerana masih terkial-kial untuk memuaturun aplikasi itu ke dalam telefon bimbitnya.

- 4 Program anti-dadah perlu diperluas di peringkat sekolah rendah bagi mendidik kanak-kanak agar menjauhinya.
